

**TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR**

**SEMPENA
SESI TOWNHALL PENGURUSAN UiTM
BERSAMA PENGUSAHA UiTM CAWANGAN
SELANGOR KAMPUS PUNCAK ALAM DAN
PUNCAK PERDANA**

**20 NOVEMBER 2025 | KHAMIS | 2.30 PETANG
DEWAN ANGGERIK SARI
PLAZA SATELIT B
UiTM CAWANGAN SELANGOR
KAMPUS PUNCAK ALAM**

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA ASYRAFIL
ANBIYA IWAL MURSALIN WA ALA ALIHI
WASOHBIHI AJMAIN**

YBrs. Prof. Dr. Mohd Hafiz Mohd Hanafiah

Timbalan Rektor

Bahagian Hubungan Industri, Komuniti, Alumni dan
Keusahawanan (iCARE)

YBrs. Encik Amirul Hafiz Bakri

Ketua Timbalan Bendahari

YBrs. Ts. Zainolasri Abdul Sani

Pengarah Pejabat Pengurusan Fasiliti

Barisan Pengurusan UiTM Cawangan Selangor

Para pengusaha ruang niaga Kampus Puncak Alam
dan Puncak Perdana

Tuan-tuan dan puan-puan serta para hadirin
sekalian.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita diberikan kesihatan dan kesempatan untuk berkumpul pada hari ini bagi menjayakan **Sesi Townhall Pengurusan UiTM Bersama Pengusaha UiTM Cawangan Selangor.**

2. Terlebih dahulu, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada semua peniaga yang sudi hadir untuk bersama-sama bagi menjayakan sesi ini.
3. Saya yakin, sesi ini amat penting kerana ia mempertemukan kita dalam satu platform komunikasi terbuka, terus, dan berfokus kepada penambahbaikan ekosistem ruang niaga di kampus.

Hadirin yang saya hormati,

4. Pengusaha ruang niaga bukan sekadar penyedia perkhidmatan tetapi rakan strategik penting dalam membentuk persekitaran kampus yang kondusif.
5. Justeru, UiTM sentiasa komited memastikan ruang niaga di kampus diurus secara profesional,

berakuntabiliti dan selaras dengan polisi universiti.

6. Saya difahamkan, sesi hari ini diadakan agar semua pihak berada pada landasan yang sama dari segi kefahaman, pematuhan dan pelaksanaan.
7. Melalui sesi townhall ini, kita berpeluang mengenal pasti cabaran operasi harian, meningkatkan kualiti perkhidmatan, memperkukuh aspek kebersihan dan keselamatan, serta membuka ruang bagi inisiatif baharu yang memberi manfaat kepada komuniti kampus.
8. Seperti yang semua maklum, setiap operasi ruang niaga universiti mesti mematuhi garis panduan dan dasar yang ditetapkan, sejajar dengan keperluan dan piawaian pengurusan universiti.

9. Saya yakin bahawa pematuhan terhadap aspek kebersihan, keselamatan kebakaran, kualiti perkhidmatan, serta sikap tanggungjawab merupakan faktor utama bagi memastikan kelancaran operasi perniagaan di kampus.
10. Saya berharap segala maklumat yang akan dikongsikan oleh pihak iCARE dan pengurusan sebentar lagi dapat dimanfaatkan untuk memperkemas dan memantapkan operasi tuan-tuan dan puan-puan.
11. Saya dan pihak pengurusan kampus amat menghargai kerjasama yang telah diberikan oleh tuan-tuan dan puan-puan, dan berharap hubungan ini terus kukuh demi manfaat semua pihak.
12. Akhir kata, semoga sesi townhall ini menjadi platform dialog yang konstruktif dan bermakna.

13. Semoga usaha ini memberikan impak positif terhadap pembangunan keusahawanan, peningkatan kualiti perkhidmatan, serta pengalaman yang terbaik kepada warga kampus.

Senja menyapa dengan irama,
Singgah terdengar alunan gambus;
Ruang niaga terus membawa sejahtera,
Manfaatnya dinikmati warga kampus.

**Sekian, Wabillahi taufiq wal hidayah
Wassalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh.**